

13 AUG 1998

Mahathir-Barangan

DR MAHATHIR GESA BELI BARANGAN TEMPATAN UTK KURANGKAN INFLASI

PETALING JAYA, 13 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengulangi gesaannya kepada rakyat Malaysia supaya membeli barangan buatan tempatan dalam usaha mengurangkan kesan inflasi daripada barangan import.

Beliau berkata harga barangan tempatan telah meningkat berikutan kesan merebak barangan import.

Apabila rakyat Malaysia membeli barangan asing, gaji atau upah terpaksa dinaikkan dan ia menyebabkan harga barangan buatan tempatan meningkat, katanya ketika merasmikan Ekspo Produk Malaysia di Taipan, Subang Jaya, di sini hari ini.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata mustahil bagi rakyat untuk bergantung keseluruhannya kepada barangan buatan tempatan kerana barangan tertentu seperti gula, susu, tepung dan besi terpaksa diimport.

Turut hadir di majlis itu adalah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar Selangor Tan Sri Abu Hassan Omar dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob.

"Jika 100 peratus atau barangan kita diimport, kita akan menjadi lebih miskin, tetapi jika 100 peratus daripada barangan kita tidak perlu diimport, kejatuhan dalam ringgit tidak akan memberi kesan yang teruk," katanya.

"Di antara kedua-duanya, pengurangan dalam pergantungan barangan buatan asing dan peningkatan dalam permintaan bagi barangan tempatan boleh meminimumkan kesan penyusutan nilai ringgit," katanya.

Beliau berkata rakyat menyambut baik usaha-usaha kerajaan untuk mengurangkan barangan import dan ia adalah kemenangan awal dalam mengatasi masalah ekonomi.

Dr Mahathir berkata dalam enam bulan pertama tahun ini, Malaysia mencatatkan lebih dagangan sebanyak RM20 bilion berbanding defisit RM2.6 bilion pada 1997.

"Ia adalah kemenangan ketara hasil daripada tindak balas positif rakyat terhadap gesaan kerajaan untuk mengurangkan barangan import dan meningkatkan permintaan bagi barangan tempatan.

Permintaan bagi barangan tempatan boleh ditingkatkan kerana ia berkualiti tinggi dan diterima dalam pasaran eksport seluruh dunia, katanya.

"Malahan mikrochip buatan Malaysia telah digunakan di angkasa lepas. Tiada alasan mengapa rakyat Malaysia tidak perlu membeli barangan tempatan," katanya.

Dengan membeli barangan buatan Malaysia, orang ramai boleh membantu ekonomi pulih semula dan mengelakkan usaha-usaha pihak tertentu untuk menjajah negara ini sekali lagi, katanya.

Dr Mahathir berkata kempen "Beli Barangan Malaysia" tidak bermakna Malaysia mengisytiharkan pemulauan barangan asing kerana negara-negara luar boleh melakukan perkara yang sama ke atas barangan Malaysia.

Bagaimanapun, selagi terdaya, Malaysia perlu mengurangkan pergantungan ke atas barangan asing dan menambahkan permintaan bagi barangan Malaysia untuk menyelamatkan pertukaran asing.

Beliau berkata pameran seumpama ini boleh membantu menghasilkan permintaan bagi barangan buatan Malaysia dan orang ramai mestilah membantu kempen tersebut.

Ketika ditemui pemberita kemudian, Dr Mahathir berkata keadaan ekonomi

negara tidak begitu baik sekarang kerana banyak syarikat gergasi berdepan dengan masalah besar, begitu juga bank-bank tempatan.

"Kita melihat keupayaan kita untuk mengasingkan ekonomi (daripada yang lain) masih sangat lemah."

"Mereka sering boleh menekan matawang, harga saham dan keupayaan kita untuk meminjam wang," katanya apabila ditanya mengenai keadaan terkini ekonomi negara sejak serangan hebat ke atas ringgit yang membawa kepada krisis ekonomi bermula Julai tahun lalu.

-- BERNAMA

AD ZK OS